

Press Clipping

PKFZ sedia 20,000 peluang kerja

PELABUHAN KLANG – Pembukaan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di sini yang bermula semalam bakal menyediakan 20,000 peluang kerja kepada orang ramai dalam tempoh lima tahun akan datang.

Projek seluas 400 hektar itu merupakan zon bebas perindustrian dan komersial bersepadu yang pertama di negara ini dan kini mencari

pelabur untuk beroperasi di kawasan tersebut.

Pengurus Besar PKFZ, Noel Gulliver berkata, ia akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan Pelabuhan Klang dan berkembang menjadi pusat perdagangan import dan eksport dengan kemudahan yang lengkap.

"Kami menyediakan kawasan setempat bagi memproses dan me-

nambah nilai barangan dan perkhidmatan sebelum ia di eksport," jelas Gulliver di sini semalam.

Menurutnya, banyak peluang pekerjaan akan dapat dinikmati oleh penduduk tempatan apabila PKFZ beroperasi sepenuhnya kelak.

Setakat ini sebuah syarikat minyak dan gas Norway iaitu Aker Kvaerner sudah melabur sebanyak RM400 juta bagi membina sebuah

kilang di kawasan tersebut.

"Pelbagai syarikat tempatan yang terdiri dari syarikat multinasional, perkhidmatan logistik, pengedaran serta industri kecil dan sederhana menunjukkan minat untuk membuka operasi mereka di sini," tambahnya.

Pelbagai kemudahan disediakan oleh PKFZ seperti kompleks pejabat, kompleks kastam, pejabat pos,

unit industri ringan dan tapak kilang.

Pembangunan PKFZ adalah di bawah perunding antarabangsa, Lembaga Zon Bebas Jebel Ali (JAFZA) yang berpangkalan di Dubai.

Projek yang dibiayai kerajaan itu menelan belanja hampir RM2.2 bilion untuk penyediaan dan membangunkan kemudahan infrastruktur.